

Perkhidmatan bas awam: Solusi kepada kesesakan lalu lintas?

NST 25.10.2017 7

OLEH JAKARIA DASAN DAN HARIFAH MOHD NOOR

PEMERHATIAN LANGSUNG yang dilakukan oleh para penyelidik yang mengkaji mengenai mod perkhidmatan bas awam di beberapa laluan utama ke pusat bandar raya Kota Kinabalu mendapati bahawa masih terdapat laluan yang begitu jarang dilalui oleh perkhidmatan bas awam samada bas berhenti-henti atau bas mini. Manakala, bagi laluan yang sering digunakan oleh perkhidmatan bas awam pula, laluan ini mempunyai kekerapan yang berbeza berdasarkan waktu puncak dan waktu biasa atau normal.

Hal ini mungkin turut menjadi punca selain faktor penyelesaian mengapa pengangkutan awam agak kurang mendapat sambutan. Justeru, orang ramai lebih suka menggunakan kenderaan sendiri atau berkongsi kereta dengan rakan mereka untuk ke tempat kerja atau destinasi tertentu di Kota Kinabalu. Sekaligus, ini mengakibatkan berlakunya pertambahan bilangan kenderaan setiap waktu. Akibatnya, isu kesesakan jalan raya terus menghantui pengguna jalanraya.

Kajian yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik terdiri daripada Dr Harifah Mohd Noor (gambar) dan Saravanan Sundara Sakaran dari UMS ini juga memperolehi maklumat dari pihak berwajib bahawa pergerakan aliran trafik serta jumlah kenderaan keluar dan masuk ke pusat bandar ketika ini adalah jauh berbeza berbanding 16 tahun lepas.

Ini berdasarkan statistik yang direkodkan, dimana pada tahun 2000 hanya terdapat kira-kira 77,000 jumlah kenderaan keluar dan masuk ke pusat bandar dalam sehari. Pada tahun 2016 jumlah tersebut meningkat kepada hampir 140,000 kenderaan sehari berdasarkan pengiraan kumulatif dan jika secara konservatif tiga hingga empat peratus berlaku pertambahan pemilihan kenderaan setiap tahun.

Maklumat dari sumber berkaitan turut menyimpulkan bahawa rata-rata warga kota lebih berminat untuk menggunakan kenderaan persendirian berbanding menggunakan pengangkutan awam yang disifatkan masih kurang selesa, lambat dan tidak cekap. Justeru, perkara yang perlu dititikberatkan ialah memperbaiki mutu perkhidmatan pengangkutan awam supaya ia dapat menarik minat orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Pada masa ini masalah perjalanan pengangkutan awam seperti bas tidak di koordinasi selain terlalu banyak operator atau pengusaha bas dalam satu laluan yang sama. Untuk itu, satu bentuk atau kaedah penyusunan semula kemudahan infrastruktur pengangkutan awam perlu dirancang dengan lebih teliti bagi memastikan perkhidmatan pengangkutan awam sentiasa efektif.

Mungkin ramai yang tidak menyedari bahawa kualiti hidup itu juga boleh dikaitkan dengan sejauhmana seseorang itu mempunyai aksesibiliti yang mudah dari rumah ke tempat kerja atau tempat berurusan, yakni menerusi pengalaman pemanduan menggunakan kenderaan sendiri atau menaiki pengangkutan awam.

Dalam hal ini, aksesibiliti bolehlah diterjemahkan sebagai keupayaan untuk mengakses sesuatu tempat. Justeru, aksesibiliti ini dilihat sebagai suatu elemen yang mempunyai pengaruh terhadap tahap kualiti kehidupan yang dinikmati oleh masyarakat.

Menurut Litman (2013), pelbagai cara untuk menambah baik aksesibiliti, seperti menyediakan mobiliti yang lebih baik, pengurusan guna tanah yang berkesan, mengurangkan jarak di antara destinasi dan sebagainya.

Dalam hubungan ini, Dasar Perbandaran Negara (DPN) telah diperkenalkan bagi memastikan agar sistem pengangkutan melibatkan kawasan bandar dirangka dengan baik. Ini adalah kerana ianya boleh memastikan kualiti hidup penduduk khususnya yang mendiami kawasan bandar terpelihara. Teras 3 DPN menggariskan perkara berikut;

DPN 15 : Sistem pengangkutan awam yang bersepadu, efisien dan mesra pengguna dibangunkan

DPN 16 : Sistem pengurusan lalulintas yang lebih menyeluruh dilaksanakan untuk memastikan pergerakan lalulintas yang lebih cekap dan berkesan

DPN 17 : Rangkaian jalan raya yang lebih menyeluruh dibangunkan bagi meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti di dalam dan di antara bandar

DPN 15 secara khusus merujuk kepada kesediaan perkhidmatan bas awam yang selesa dan selamat untuk dinaiki. Jika hal ini dapat dicapai, besar kemungkinan kecenderungan masyarakat untuk menggunakan pengangkutan bas awam akan meningkat. Pada masa yang sama, kekerapan pengangkutan awam melalui laluan utama dan laluan padat penduduk lain turut wajar dipertingkatkan.


Masalah kesesakan lalu-lintas merupakan suatu yang pasti

dan tidak boleh dielakkan kerana ianya berlaku selari dengan pertambahan bilangan penduduk. Selagi proses pembesaran rangkaian jalanraya atau alternatif lain belum berlaku atau belum siap sepenuhnya, selagi itulah kesesakan lalu-lintas akan terus dihadapi. Perubahan emosi pengguna yang berlaku akibat daripada keadaan ini pastinya sedikit sebanyak memberi kesan kepada kualiti kehidupan. Justeru, usaha mempertingkatkan perkhidmatan bas awam mungkin merupakan antara solusi terbaik sementara menunggu pelan jangka panjang melibatkan pembangunan infrastruktur jalanraya dilaksanakan dan dijayakan sepenuhnya.

Di bawah RMK 11, sasaran kerajaan adalah untuk terus menyediakan akses kepada pengangkutan yang mencukupi dan mampu bayar. Langkah ini bagi membolehkan pergerakan barangan dan penumpang yang selamat, cekap dan cepat, terutamanya merentasi luar bandar, bandar, dan antarabangsa.

Penambahbaikan pengangkutan awam bandar di Malaysia adalah penting memandangkan 75 peratus penduduk menetap di bandar menjelang tahun 2020. Sekaligus, artikel ini adalah menyokong aspirasi kerajaan ini. Walau pun penyelidikan awal yang dilakukan adalah tertumpu kepada beberapa laluan utama ke Bandaraya Kota Kinabalu sahaja.

Namun ianya cukup untuk memberi justifikasi betapa perkhidmatan pengangkutan bas awam jika dipertingkatkan keselesaan, keselamatan dan kekerapannya, ia akan menjadi pilihan orang ramai. Sekaligus, ini akan dapat mengurangkan isu kesesakan lalu-lintas yang kian meruncing di Bandaraya Kota Kinabalu pada waktu kemuncak dan hari tertentu.



Keseluruhan kekerapan Bas Sedia Ada di Laluan Utama menuju ke Pusat Bandaraya Kota Kinabalu.
 Kekerapan Perkhidmatan Bas Berhenti-henti di Laluan Utama Menuju ke Pusat Bandar raya Kota Kinabalu.
 Kekerapan Perkhidmatan Bas Mini di Laluan Utama Menuju ke Pusat Bandar raya Kota Kinabalu.



Perhentian bas di depan City Mall menjadi tempat meletak kenderaan pengguna City Mall (arrow warna pink).